

UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN
SIL. NO. 199
TARIKH 31/7/88
PERUBAHAN
MALAYSIA

UNDANG-UNDANG BAGI
PERSATUAN PERNIAGAAN CINA KUALA LANGAT, Selangor

Pass 1 NAMA

Selangor

(1) Perlembagaan dan Nama: UNDANG-UNDANG BAGI PERSATUAN PERNIAGAAN CINA KUALA LANGAT

UNDANG - UNDANG

Pass 2 TEMPAT URUSAN

(1) Alamat dan tempat urusan perlembagaan ialah No 199 (Tingkat 1), Jalan Bunga Pekan, Kawasan 6, 42700 Banting, Kuala Langat atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dan semasa. Ia semasa untuk perlembagaan; dan alamat untuk surat-menyurat ialah No 199 (Tingkat 1), Jalan Bunga Pekan, Kawasan 6, 42700 Banting, Kuala Langat. Tempat urusan hendaklah dan alamat surat-menyurat Perlembagaan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Perlembagaan terlebih dahulu.

Pass 3 TUJUAN/MATLAMAT

BAGI

- (a) Menggerakkan dan memajukan perniagaan perniagaan tempatan.
- (b) Mempertingkatkan dan memperkembangkan perniagaan yang berkaitan dengan perniagaan.
- (c) Menggunakan kira-kira kebajikan masyarakat.
- (d) Menyediakan perkhidmatan berfaedah dengan perniagaan di kawasan di mana perniagaan.

Pass 4 KEAJIBAN

- (1) Pendaftar ahli perlembagaan ini ialah pejabat, Kuching Perlembagaan ini adalah kepada semua syarikat, kilang dan perniagaan tempatan yang di dalam Daerah Kuala Langat, Selangor dan negeri bersekutu, yang berdaftar dengan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1965.
- (2) Kuching Perlembagaan ini di bahagikan kepada 2 bahagian (a) Ahli Bantu dan (b) Ahli Kuching Perlembagaan.

PERSATUAN PERNIAGAAN CINA

KUALA LANGAT

- (4) Setiap perlembagaan yang diwujudkan di atas hendaklah mematuhi semua peraturan perlembagaan yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Semua ahli baru hanya boleh mengundi dan berhak dipilih untuk memegang jawatan apabila telah menang atau telah selepas dilantik sebagai seorang ahli perlembagaan.
- (5) Seorang pelajar universiti atau Kolej Universiti tidak boleh diwujudkan sebagai ahli Perlembagaan ini kecuali ia telah diwujudkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.


Pass 5 BAYARAN MASUK, YUKAN DAN BAYARAN LAIN

(1) Bayaran masuk dan yukan yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

**No. 199 (Tingkat 1), Jalan Bunga Pekan,
Kawasan 6, 42700 Banting,
Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan**

Bayaran masuk : RM10.00 (Ringo Malaysia - Sepuluh Ringgit)
Sekali sahaja membayar RM10.00 (Ringo Malaysia Sekali Lulus)
Sahaja





UNDANG-UNDANG BAGI
PERSATUAN PERNIAGAAN CINA KUALA LANGAT, Selangor

Fasal 1 NAMA

- h Selangor* (1) Pertubuhan ini dikenal dengan nama **PERSATUAN PERNIAGAAN CINA KUALA LANGAT** *L* Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

18

Fasal 2 TEMPAT URUSAN

- (2) Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah No. 199 (Tingkat 1), Jalan Bunga Pekan, Kawasan 6, 42700 Banting, Kuala Langat atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa; dan alamat untuk surat menyurat ialah No 199 (Tingkat 1), Jalan Bunga Pekan, Kawasan 6, 42700 Banting, Kuala Langat. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat **Pertubuhan** tidak boleh diubah tanpa kebenaran **Pendaftar Pertubuhan** terlebih dahulu.

Fasal 3 TUJUAN / MATLAMAT

- (a) Mengeratkan dan meningkatkan persahabatan di antara peniaga kaum Cina.
(b) Mempertingkatkan dan memperluaskan semua perkara yang berkaitan dengan perniagaan.
(c) Mengamalkan kerja-kerja kebajikan masyarakat.
(d) Menyelesaikan perselisihan berkaitan dengan perniagaan di antara ahli-ahli pertubuhan.

Fasal 4 KEAHLIAN

- (1) Bilangan ahli pertubuhan ini tidak terhad. Keahlian Pertubuhan ini terbuka kepada semua syarikat, kilang dan peniaga kaum Cina di dalam Daerah Kuala Langat, Selangor. Pemohon hendaklah warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas, dan mempunyai kelakuan yang baik, tidak kira jantina dan agama.
(2) Keahlian Pertubuhan ini di bahagikan kepada 2 jenis, iaitu (a) Ahli Biasa dan (b) Ahli Seumur Hidup.
(3) Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli dan dihantar kepada Setiausaha yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Jawatankuasa untuk diluluskan. Jawatankuasa boleh mengikut budibicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
(4) Setiap pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hendaklah setelah membayar bayaran masuk dan yuran tahun pertama seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli Pertubuhan. Semua ahli baru hanya berhak mengundi dan berhak dilantik untuk memegang jawatan apabila telah genap satu tahun selepas diluluskan sebagai seorang ahli pertubuhan.
(5) Seorang pelajar Universiti atau Kolej-Universiti tidak boleh diterima menjadi ahli Pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.

Fasal 5 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN


- (1) Bayaran masuk dan yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut :-

(a) Ahli Biasa

Bayaran masuk RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)
Yuran bulanan RM 2.00 (Ringgit Malaysia : Dua Sahaja)

(b) Ahli Seumur Hidup

Bayaran masuk : RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)
Yuran : Sekali gus membayar RM150.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Lima Puluh Sahaja)





Setiausaha,
Persatuan Perniagaan Cina Kuala Langat, Selangor,
No.199, (Tingkat 1),
Jalan Bunga Pekan, Kawasan 6,
42700 Banting, Kuala Langat,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Ruj. Tuan:

副本

Ruj. Kami: PPP/SEL.145/49 Jld.2 (8)

Tarikh: 31 Julai, 2003.

Nama Pertubuhan : Persatuan Perniagaan Cina Kuala Langat Selangor.

Saya adalah merujuk kepada perkara di atas dan menyertakan bersama-sama ini kelulusan ke atas permohonan pindaan undang-undang berdaftar bagi pertubuhan ini seperti bertanda (X) :

- | | | |
|------|---|-------|
| 1.1. | Kebenaran Menukar Nama. | () |
| 1.2. | Kebenaran Menukar Alamat Berdaftar/tempat urusan. | () |
| 1.3. | Kebenaran Menukar Alamat Pos. | () |
| 1.4. | Kebenaran Pindaan Undang-undang Di Bawah Seksyen 11. | () |
| 1.5. | Kebenaran Menggunakan Bendera, Lambang, Tanda Atau Lencana Di Bawah Seksyen 50. | () |
| 1.6. | Pendaftaran Pegawai Harta Di Bawah Seksyen 9 (b). | () |
| 1.7. | Pendaftaran Pegawai Awam Di Bawah Seksyen 9 (c). | () |
| 1.8. | Kebenaran Undang-undang Baru. | (X) |
| 1.9. | Kebenaran Undang-undang Kecil. | () |

2. Sila ambil perhatian bahawa dengan kelulusan ini tuan hendaklah mentadbir pertubuhan ini mengikut kehendak undang-undang berdaftar pertubuhan sebagaimana dipinda sekarang.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(K. SUKUMARAN)

Pengarah Pendaftaran Pertubuhan
Negeri Selangor.

s.k. Pendaftar Pertubuhan Malaysia
(Ruj. PPM/SEL. 740/49 berkaitan).



(Pertubuhan 10
Pin. 1/97)

MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966

PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984
[PERATURAN 7 (1)]

PERMOHONAN MENUKAR NAMA/ALAMAT/
MEMINDA UNDANG-UNDANG
DAN LAIN-LAIN TANDA

(Borang ini hendaklah ditaip dan diisi dalam 4 salinan)

Setem pos
berharga RM10.00

(Perlu untuk
borang pertama
sahaja)

KEPADA:

PENDAFTAR PERTUBUHAN,

Ruj. P.P.M. 740/49 Bhg.2

Ruj. P.P.P. Sel.145/49

1. Nama Pertubuhan:

Chinese Chamber Of Commerce Kuala Langat (390/Selangor)

2. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen seperti berikut:

- (a) 5 salinan kertas pindaan menukar nama/alamat/meminda undang-undang/undang-undang baru/bendera/lambang/lencana/ atau lain-lain tanda.*
- (b) 2 salinan minit mesyuarat agung di mana pindaan undang-undang diterima oleh ahli-ahli mengikut peruntukan-peruntukan dalam undang-undang berdaftar.
- (c) Setem pos bernilai RM10.00 yang belum dibatalkan (lekat di ruang di atas).

Bertarikh pada 30 haribulan Mei, 2002.

Tandatangan

Nama Tia Chin How, KMN.AMN.PJK.

Jawatan President
(Pemegang jawatan utama pertubuhan induk)

No. Telefon 03-31871468

Tandatangan

Nama Chow Yeong Kwang

Jawatan Secretary
(Pemegang jawatan utama pertubuhan induk)

No. Telefon 03-31871321



UNTUK KEGUNAAN PEJABAT


DILULUSKAN/DITOLAK NAMA/ALAMAT/PINDAAN UNDANG-UNDANG/UNDANG-UNDANG BARU/BENDERA/
LAMBANG/LENCANA/ATAU LAIN LAIN TANDA*

PADA 31 JUL 2003

W. SUKUMARAN
b.p. Pendaftar Pertubuhan Malaysia

Tarikh: 31 JUL 2003
Ruj. P.P.M. Sel. 740/49

Ruj. P.P.P. Sel. 145/49 gld. 2 (87)



- (2) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan kepada Bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 7 hari dari awal tiap-tiap bulan .
- (6) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada 3 bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha , dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan .
- (7) Ahli yang membiarkan hutangnya sebanyak lebih dari jumlah yuran bagi enam bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan dan Jawatankuasa boleh memenitahkan supaya tindakan yang sah diambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuashati yang ahli itu telah menerima kenyataan berkenaan hutangnya terlebih dahulu .
- (8) Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula bagi sesiapa yang telah membiarkan keahliannya terlucut disebabkan hutang .
- (9) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli . Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan , maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan .

Fasal 6 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- (1) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan , hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan menjelaskan segala hutangnya .
- (2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Pertubuhan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Pertubuhan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa . Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut , ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis . Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya . Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut .

Fasal 7 MESYUARAT AGUNG

- (1) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli . Sekurang-kurangnya satu perempat (1 / 2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau 50 orang ahli yang sah , mengikut mana yang kurang , hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat .
- (2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat , maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa ; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli .
- (3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31hb. Mac pada tarikh , masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa . Kerja-kerja mesyuarat agung tahunan ialah :
 - (a) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan di dalam tahun lalu ;



- (b) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu ;
 - (c) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan Juru Audit Dalam dan Luar tiap-tiap tiga tahun sekali ; dan
 - (d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu .
- (4) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit . Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan .
- (5) Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan :
- (a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa , atau
 - (b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari 30 orang ahli yang berhak mengundi ataupun 10 orang ahli Jawatankuasa dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya . Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan .
- (6) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu .
- 7
 (+) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat .
- 8
 (11) Fasal 7(1) dan 7 (2) di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas , tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini , Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan .

Fasal 8 JAWATANKUASA

- (1) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memilih 29 orang ahli Jawatankuasa & 4 orang ahli simpanan tiga tahun sekali . Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di antara mereka sendiri :-

Seorang Presiden
 Seorang Timbalan Presiden
 Tiga orang Naib Presiden
 Seorang Setiausaha
 Seorang Penolong Setiausaha
 Seorang Bendahari
 Dua orang Pegawai Perhubungan
 Dua orang Pegawai Kerani (B. Cina & B. Malaysia)
 Lima Orang Pegawai Perniagaan
 Dua orang Pegawai Kebajikan
 Dua orang Pegawai Sukan & Permainan
 Dua orang Pegawai komunikasi
 Enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa .

- (2) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia .



- (3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi di antara 29 orang ahli Jawatankuasa yang dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tiga tahun sekali.
- (4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.
- (5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah dibenarkan kepada ahli-ahli 7 hari terlebih dahulu. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 4 orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1 / 2) daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (6) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
- (7) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
- (8) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.
- (9) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

Fasal 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- (1) Presiden, dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha atau Bendahari.
- (2) Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
- (3) Naib Presiden hendaklah membantu Presiden dan Timbalan Presiden untuk menjalankan tugas mereka. Seorang Naib Presiden yang mendapat undi tertinggi akan memangku Jawatan Timbalan Presiden semasa ketiadaannya.
- (4) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Pertubuhan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah mesyuarat agung dan Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua buku, surat dan kertas kecuali akaun dan buku-buku kewangan. Setiausaha hendaklah



menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi butir-butir seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Bendahari. Setiausaha hendaklah dalam masa 60 hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirimmkan penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftaran Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966.

- (5) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- (6) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Presiden atau Setiausaha.
- (7) Pegawai Perhubungan hendaklah mengendalikan semua urusan berkenaan dengan semua aktiviti sosial yang berkaitan dengan pertubuhan.
- (8) Pegawai Kerani hendaklah menguruskan hal yang berkenaan dengan surat menyurat dalam Bahasa Cina atau Bahasa Malaysia.
- (9) Pegawai Perniagaan hendaklah menyalurkan unsur-unsur perniagaan di tempat-tempat yang berlainan bagi tujuan kajian. Sekiranya ada berlakunya sebarang perselisihan yang berkaitan dengan perniagaan, mereka hendaklah melaporkan kepada pertubuhan supaya perkara tersebut dapat diselesaikan secara muhibbah.
- (10) Pegawai Kebajikan hendaklah menguruskan segala perkara kebajikan yang berkaitan dengan ahli-ahli pertubuhan.
- (11) Pegawai Sukan & Permainan hendaklah bertanggungjawab atas semua aktiviti sukan & permainan pertubuhan.
- (12) Pegawai Komunikasi hendaklah mengedarkan maklumat yang bermanfaat kepada ahli-ahli pertubuhan.
- (13) Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa dalam menjalankan tugas yang diarahkan olehnya.

Fasal 10 KEWANGAN

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam undang-undang ini wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah memeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah.
- (2) Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia: Senbu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama pertubuhan.
- (3) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden, Setiausaha atau Bendahari. Semasa ketiadaan Presiden, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.



- (4) Perbelanjaan yang lebih daripada RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih daripada RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu . Perbelanjaan yang tidak melebihi RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden .
- (5) Penyata darilang wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira yang dilantik di bawah Fasal 11 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan . Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Pertubuhan .
- (6) Tahun kewangan Pertubuhan ini berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun .

Fasal 11 JURU AUDIT DALAMAN

- (1) Dua orang yang bukan Pegawai Pertubuhan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juru Audit Dalaman . Mereka akan memegang jawatan selama tiga tahun dan tidak boleh dilantik semula berterusan.
- (2) Juru Audit Dalaman adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung Tahunan . Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua mengaudit kira-kira Pertubuhan bagi mana-mana masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa .

Fasal 12 PENGAMANAH

- (1) Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan hendaklah didaftarkan atas nama Pertubuhan .
- (2) Semua harta tetap kepunyaan Pertubuhan tidak boleh dijual atau dipinda hakmiliknya kecuali dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya .
- (3) Presiden , Setiausaha dan Bendahari yang dipilih mengikut Fasal 8 (1) Undang-Undang Pertubuhan ini adalah dengan secara automatiknya menjadi Pengamanah Pertubuhan ini . Perlantikan mereka hendaklah mendapat Sijil Pengesahan daripada Pendaftar Pertubuhan .
- (4) Pengamanah-Pengamanah mestilah menjalankan tugas mereka mengikut ketetapan atau arahan Mesyuarat Agung seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 7 Undang-Undang Pertubuhan ini .

Fasal 13 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

- (1) Di antara berlangsungnya mesyuarat agung , Jawatankuasa boleh membenarkan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa , jika mustahak , boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini .
- (2) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung , keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung .

Fasal 14 PENASIHAT / PENAUNG

Jawatankuasa boleh , jika difikirkan perlu , melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat / Penaung bagi Pertubuhan ini dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuannya secara bertulis



Fasal 15 LARANGAN

- (1) Permainan yang disebutkan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Pertubuhan : Roulette , Lotto , Fan Tan , Poh , Peh Bin , Belangkai , Pai Kau , Tau Ngau , Tien Kow , Chap Ji Kee , Sam Cheong , Dua Puluh Satu , Tiga Puluh Satu , Sepuluh dan Setengah , semua permainan dadu , banker' s game , semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib dan semua jenis permainan video;
- (2) Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti definasi di dalam Akta Kesatuan Sekerja , 1959 .
- (3) Pertubuhan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak , atas nama Pertubuhan atau pegawai-pegawai atau Jawatankuasa atau ahli , tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan ;
- (4) "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966 , tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya .


Fasal 16 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung . Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada undang-undang hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan .

Fasal 17 PEMBUBARAN

- (1) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya .
- (2) Sekiranya Pertubuhan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas , maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan .
- (3) Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu .


.....
Presiden


.....
Setiasusaha

Nama : Tia Chin How KMN, AMN, PJK

Nama : Chow Yeong Kwang

